

13/06/1998

Sokongan rakyat pulih ekonomi: PM (HL)

Azhar Abu Samah; Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara akan dapat mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang dengan adanya keamanan dan sokongan padu rakyat.

Sokongan padu rakyat juga, kata Perdana Menteri, akan membolehkan negara mengekalkan kebebasannya serta terus terpelihara daripada sebarang jenis tekanan seperti dikenakan terhadap negara membangun lain.

Beliau bagaimanapun berkata, keadaan di Malaysia tidaklah seteruk di sesetengah negara lain kerana kerajaan telah menguruskan pembangunan negara secara tertib tanpa meminjam wang dari negara lain.

"Negara yang meminjam terlalu banyak dari negara lain tidak dapat membayarnya balik dan kerana itu terpaksa tunduk kepada kuasa asing," katanya kepada hadirin sebelum mendengar taklimat mengenai pengurusan air di loji penapisan air Kepong di sini.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan sehari ke Terengganu berkata, Kerajaan Pusat dan negeri akan berusaha memberi seberapa banyak kemudahan kepada rakyat, tanpa melupai mereka yang tinggal di desa.

"Kerajaan ingin melihat segala kekayaan negara dinikmati semua golongan rakyat," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis perjumpaan dan jamuan makan tengah hari dengan ketua jabatan dan pemimpin masyarakat di Seri Iman, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan helah media asing yang mencipta pelbagai istilah untuk melemah dan memecah-belahkan perpaduan.

Menurutnya, istilah seperti kapitalisme suku-sakat (crony-capitalism), ketelusan, globalisasi, deregulasi, dunia tanpa sempadan, korupsi dan pilih kasih (nepotisme), yang tidak pernah didengar dahulu, kini sudah mendapat perhatian rakyat.

"Mereka (media asing) mencipta perkataan itu dan orang kita pun sambut," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Dr Mahathir berkata, media asing mahu memanipulasi fikiran rakyat dan berulang kali menggunakan istilah berkenaan seolah-olah menunjukkan kelemahan kerajaan atau pemimpin.

Sehubungan itu, katanya, media tempatan tidak harus terikut-ikut rentak media asing yang bermatlamat untuk melemah dan memecahkan perpaduan rakyat.

"Media asing mahu memberi gambaran semua yang kaya ialah crony kepada kerajaan walaupun kebenarannya tidak nampak. Apabila media asing kata mengenainya, kita pun mengatakannya betul hanya kerana ia diperkatakan orang putih.

"Istilah crony capitalism kononnya kerajaan tidak telus. Kita tak pernah guna perkataan telus (transparent) dulu tetapi kita juga cipta perkataan telus bermakna transparent," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Barat sering memperkatakan mengenai globalisasi bagi membolehkan mereka bebas ke mana saja kerana berpendapat kepandaian dan modal mereka akan membawa kehidupan bahagia kepada rakyat.

Pada masa yang sama, katanya, ada rakyat Malaysia turut bercakap mengenai globalisasi, deregulasi, liberalisasi, dunia tanpa sempadan, crony capitalism, korupsi dan pelbagai lagi tanpa menyedari jarum halus media asing sudah masuk dalam pemikiran mereka.

Beliau berkata, segolongan rakyat mudah terpengaruh dengan dakyah dan propaganda asing, terutama dari Barat tanpa memahami tujuan sebenar perbuatan itu semata-mata mahu menjajah semula negara ini.

Katanya, kerana cara penjajahan semula melalui ketenteraan tidak boleh diterima lagi sekarang, Barat kini menggunakan pendekatan menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara.

(END)